

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

1. Semua peserta-peserta kem motivasi itu perlu mendaftarkan diri selewat-lewatnya pukul 8.00 pagi.
A Peserta-peserta
B Semua para peserta
C Para peserta-peserta
D Semua peserta-peserta
2. Keputusan pertandingan penulisan esei peringkat daerah telah kami terima petang semalam.
A telah diterima oleh kami
B telah kami menerima
C kami telah terima
D telah kami terima
3. Banyak kebaikan kita akan peroleh jika membudayakan amalan membaca dalam kehidupan seharian.
A kita akan memperoleh
B akan kita peroleh
C akan diperoleh kita
D kita akan peroleh
4. Aktiviti kokurikulum memberikan banyak kebaikan terhadap murid-murid.
A memberikan banyak kebaikan pada
B banyak memberikan kebaikan pada
C banyak memberikan kebaikan kepada
D memberikan banyak kebaikan terhadap
5. Murid-murid perlu memberikan perhatian semasa guru sedang mengajar.
A berikan perhatian
B diberikan perhatian
C memberi akan perhatian
D memberikan perhatian

Soalan 6 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

6. A Ayah membelikan saya tiga buah buku-buku rujukan di kedai buku itu.
B Kursus kepimpinan ini akan mengambil masa selama empat setengah jam.
C Hari Kantin sekolah saya akan berlangsung dari pukul 8.00 pagi hingga 1.30 petang.
D Seorang dari peserta lawatan ke Muzium Negara telah menarik diri di saat-saat akhir.
7. I Kutipan sumbangan itu untuk menaik taraf dewan sekolah.
II Akan saya sertai pertandingan syarahan itu pada minggu depan.
III Lima orang murid-murid yang ponteng sekolah telah didenda oleh guru disiplin.
IV Aktiviti perkhemahan itu diadakan demi untuk memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
8. I Aira menunggu Ai Ling di perpustakaan sejak dari pukul 2.00 petang tadi lagi.
II Pertandingan bola jaring antara rumah sukan ditunda oleh kerana hujan lebat.
III Nursyamira mendapat markah ujian Matematik paling tinggi di dalam kelasnya.
IV Guru-guru besar di daerah Kajang bermesyuarat untuk mencari jalan bagi menangani masalah disiplin di sekolah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Praktis PT3 Bahagian B

Kenal pasti pola ayat bagi ayat-ayat di bawah ini sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA), atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

1. Para peserta ekspedisi itu menghirir anak sungai itu dengan kayak.

2. Kamala dan Salina ke perpustakaan awam untuk mencari maklumat tentang sejarah kemerdekaan negara.

3. Encik Zulkifli guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Tumpat.

4. Murid baharu itu sangat rajin mengulang kaji pelajaran di pusat sumber sekolah.

5. Bangunan berbentuk piramid itu terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman.
